

# MASALAH KITA YANG WAJIB DIKAJI

Kedudukan kaum Muslimin dengan keputusan UMNO dalam perkara Nadrah

Sebagaimana pandangan yang diberi oleh Tuan Yang Terutama Sir Franklin Gimson, Gabenor Singapura kepada "wakil-wakil" kaum Muslimin yang mengadapnya sesudah kejadian rusuhan-rusuhan dalam perkara Nadrah yang lalu maka demikian itulah juga nampaknya seperti yang tersiar di dalam akhbar, keputusan yang diambil oleh UMNO dalam perkara itu iaitu perkara Nadrah itu ialah perkara mahkamah – bukannya perkara bangsa atau agama Islam – pada hal kegelisahan umat Islam (juga sebahagian ahli-ahli UMNO) sekarang memandang bahawa perkara itu ialah perkara agama yang telah tersentuh kedudukannya sehingga beberapa cawangan-cawangan UMNO telah pun mengambil keputusan bahawa mereka tidak akan merayakan hari 1 Februari yang dipandang oleh UMNO sebagai "Hari Kebangsaan" yang patut dirayakan – yang menjadikan Jabatan UMNO meminta supaya keputusan yang diambil oleh beberapa cawangan itu difikirkan semula.

## PERTUBUHAN ISLAM MUSTAHAK

(oleh Edrus)

Umumnya orang Islam memandang perkara Nadrah itu ialah perkara agama dan keputusan mahkamah yang sedang dituntut apabila itu adalah dipandang mereka mengenai (1) Hak akuan seseorang memeluk Islam dengan cukup syarat-syaratnya mengikut pengajaran-pengajaran Islam dibatalkan; (2) Kuasa tauliah kadi menjadi tahkim gugur; dan (3) Perkahwinan seseorang Islam yang sah mengikut hukum-hukum Islam telah dirombak. Semuanya ini, menurut pandangan orang-orang Islam, bermakna merosakkan kebebasan agama yang diluluskan kepada mereka – hari ini terjadi di Singapura tetapi di belakang hari nanti harus akan berlaku pula di Tanah Melayu – dan sebab itulah nampaknya mereka itu memandang berat dalam perkara itu dengan menghendaki supaya perkara itu mendapat perhatian yang saksama sehingga kelak jangan jadi "lulus jarum, lulus kelindan, – menerbitkan berpuluhan-puluhan perkara seperti Nadrah atau lebih hebat lagi daripadanya.


Di dalam keluaran yang lalu saya telah menulis tentang kedudukan UMNO dengan cita-cita Dato' Onn hendak mengubah bangsa Melayu menjadi bangsa Malayan ataupun Malaya dan saya telah menyatakan bagaimana mustahaknya di dalam keadaan yang demikian, orang-orang Islam patut berfikir menuju sebuah pertubuhan Islam sebab sekiranya cita-cita Dato' Onn yang telah lama itu berjaya maka hal ehwal agama kita yang sememangnya menjadi seperkara yang telah disambil-sambilkan bahkan dibuat topeng oleh UMNO itu akan terhapus dan dalam masa itulah kita kelak akan berkesal hati kerana kita belum membuat sesuatu kesiapan pun kepada perkara-perkara yang harus terjadi. Bukti kepada orang yang hendak insaf kepada perkara yang tersebut itu sudah terang iaitu bagaimana UMNO telah mengadakan perbezaan belanjawannya atas cawangan agamanya jauh sangat kecil daripada cawangan-cawangan yang lainnya.

Perkara-perkara yang tersebut ini jika kita cantumkan kepada langkah Yang Di-pertua UMNO tatkala mencampuri rusuhan bulan Disember itu maka dapatlah kita melihat dan memandang, menurut perhatian yang nyata, bahawa campuran UMNO di dalam perkara

ini daripada permulaannya nampaknya berlawanan dengan jiwa orang Islam sebab walau pun perasaan orang-orang Islam telah bergelora namun Jabatan UMNO tenang jua bahkan mengeluarkan suatu pemasyhuran supaya jangan mencampuri hal itu dengan alasan “subjudis” dan dengan demikian membiarkan sahaja perasaan tak puas hati itu bergelora di dalam dada orang Islam. Campuran Dato’ Onn dengan menangguhkan pelayarannya ke Ceylon, menurut pandangan saya, terbitnya takut rusuhan yang tidak digemari itu merebak ke Tanah Melayu, yang sudah tentu, jika berlaku, akan menjadikan bahayanya lebih besar dan menjadikan binaan kerajaan melawan penjahat-penjahat itu akan runtuh asas-asasnya sekali oleh sebab harus dengan kerananya peluang itu diambil oleh penjahat-penjahat itu.

Jika tidak kerana itu, pandangan saya harus diri Dato’ Onn tidak akan mencampuri juga perkara itu oleh sebab tatkala menjawab cadangan kaum ibu UMNO di dalam persidangannya pada bulan Ogos 1950 di Kuala Kangsar supaya UMNO mengambil langkah yang tepat dalam perkara Nadrah, Dato’ Onn menyatakan bahwasanya UMNO tidak payah campur dalam perkara ini dan daripada ini dapatlah diagak inilah dasar yang dijalankan oleh UMNO sekarang terhadap perkara Nadrah yang ditaja oleh Yang Di-Pertua itu; dan sebagaimana bayangan-bayangan dasarnya sesudah berjaya menujuhan UMNO yang pada permulaannya dengan berdasarkan agama dan bangsa, menurut perhatian saya, telah mengubah dasar dengan mengurangkan hak-hak agama dan sebab itulah barangkali tatkala memberi ucapannya menerangkan perjanjian Federation selama empat jam di rumah UMNO pada tahun 1948 Dato’ Onn nampaknya telah menyindir orang-orang yang kasihkan agama dengan mengatakan yang tujuannya bahawa janganlah kelak, setelah didapati persetujuan Federation itu, supaya dituntut hasil mahsul negeri dibelanjakan kepada agama semata-mata – iaitu sendirian yang bolehlah dimaknakan mengandung corak mengecilkankehendak-kehendak agama yang dikasihi oleh orang-orang Melayu lebih daripada segala-galanya – dikecualikan ke atas diri mereka-mereka yang agamanya itu terletak pada geografi jua.

*Tuan as-Syed  
Hamid al-Qadri  
(bukan Sultan  
Hamid Al-Qadri)  
iaitu salah  
seorang  
ahli  
rombongan  
Indonesia  
ke Holland yang  
merundingkan  
masalah Irian  
yang telah tak berjaya  
itu. Ia ialah  
seorang peranakan  
Arab yang banyak  
jasanya di dalam kebangkitan kemerdekaan Indonesia dan sahabat  
baik kepada Presiden Sukarno.*



-----\*

Semenjak permulaan lagi orang-orang kita memandang bahawa perkara Nadrah itu bukannya seperkara yang kecil yang sepatutnya, sekiranya UMNO memikirkan atau berdiri kerana mengalang ganti Islam, mesti menyelenggarakan perkara itu dengan secukup-cukupnya sebab kepada umat yang kasihkan Islam telah timbul suatu perasaan, sebagaimana yang telah dibayangkan oleh Tuan Nazir Malal yang diucapkannya di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Singapura bahawa umat Islam itu ialah suatu umat yang cinta kepada keamanan dan taat kepada undang-undang tetapi mereka itu akan berkorban dengan wang dan jiwanya apabila ada sesuatu percubaan yang menyentuh kehormatan agamanya – ini menjadi sebab bahawa perasaan mereka itu yang tenang telah mulai terharu, perasaan perkaitan persaudaraan Islam telah timbul, terbit daripada kejadian itu – “orang Muslim dengan Muslim itu sebagai tiang yang bina membina” – dicubit peha kiri, sakit peha kanan.


Jika diperhati perkara-perkara yang terjadi di hadapan mata kita atas langkahan-langkahan Dato' Onn dan atas langkah UMNO maka timbulah suatu soal: "Di manakah orang Islam akan menyandar atau menumpukan hal ehwal mereka dalam perkara-perkara yang mengenai kedudukan mereka? Soal ini terbit oleh kerana, daripada apa yang terzahir, nampaknya UMNO tidak boleh diharap bagi membela agama dengan kerana kebangsaan yang didasarkan oleh UMNO itu ialah kebangsaan di arah yang sempit - bukannya kebangsaan yang diajarkan oleh Islam.

Apabila kita mengetahui bahawa UMNO itu telah tidak dapat kita bersandar kepadaannya untuk menyampaikan perasaan dan untuk mengawal maslahat-maslahat agama dengan jalan undang-undang yang sekarang terbukti riak-riaknya telah menjadi suatu kegelisahan di Semenanjung Tanah Melayu ini kepada apa yang telah berlaku dari semasa ke semasa sehingga mengubah asas-asas tajaan UMNO yang pertama itu maka adalah ia menjadi suatu hal yang mustahak difikirkan oleh ketua-ketua Islam sama ada yang di dalam UMNO atau di luarnya memikirkan apakah suatu jalan yang patut dibuat supaya kedudukan Islam itu diutamakan daripada yang lainnya sebagaimana juga pada permulaan dilangkahkan dahulu pertubuhan UMNO itu. Sekiranya mereka-mereka yang kasihkan agama di dalam UMNO itu tidak dapat mengubah corak yang ada sekarang, maka menurut pandangan saya, telah tibalah masanya bagi mereka itu menubuhkan suatu pertubuhan siasah Muslimin supaya di dalamnya tiap-tiap usaha-usaha yang diberi oleh mereka itu akan didapat faedahnya dengan luas dan di dalamnya insya-Allah kelak akan membawa lebih manfaat kepada kita daripada apa yang telah ada diuntukkan kepada kita oleh kerana hak-hak agama kita disambil-sambilkan di dalam beberapa masa yang telah lampau.

Langkah kita akan lebih luas oleh kerana kerana di dalam Perjanjian Federation telah terikat bahawa "Kerajaan British tidak akan mencampuri hal ehwal agama dan adat istiadat orang Melayu." Hak dan kebebasan ini beberapa lamanya dibiarkan sahaja oleh orang-orang kita Melayu

dan sebab itu mulai dari ini molek sungguh kiranya perkara yang telah ditinggalkan beberapa lama itu dibina dan diatur oleh kita, untuk kita dan kerana Allah dengan mengikut ajaran-ajaran Quran bagi menyelenggarakan hidup kita, dengan usaha kita dengan suatu pertadbiran yang luas dan bebas bukannya ditadbirkan oleh mereka-mereka yang masih mengingat kepada periuk nasinya, tidak berani mendirikan barang yang Haq, tidak berani berkata benar dengan seolah-olahnya tidak percaya bahawa rezeki itu daripada Allah dan seolah-olah terlupa kepada janji Allah bahawa "jika kamu menolong (agama) Allah maka Allah akan menolong kamu".

Insaflah wahai kaum Muslimin – "Janganlah kamu berpecah-belah" dan bermesyuaratlah kamu di atas kebaikan untuk faedah kamu. Carilah jalan untuk menyatukan maslahat kamu kerana kalau kamu berpecah-belah dan tidak bersatu maka maslahat dan kedudukan kamu tidak akan terpelihara. Kedudukan kamu akan diper mudah-mudahkan



Bekas gabenor Cotabato, Philippine (yang berikat kepala sedang berucap di dalam jamuan yang diadakan oleh Arab Union kerana meraikan wakil-wakil di dalam Muktamar Seruan Islam Tenggara Asia. Beliau berucap di dalam bahasa Tagalog dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

orang dan muslihat kamu akan diperkecil-kecilkan orang dan insaflah kepada apa-apa yang telah lalu supaya kamu dapat melihat ke hadapan. Pandangan kamu ke belakang itu adalah semata-mata sebagai kajian untuk panduan kamu tatkala kamu menghadapi masalah yang akan tiba di hadapan kamu kelak” – seruan ini dari semasa ke semasa telah diserukan oleh penganjur-penganjur Islam.

Tidak guna kita mengkaji kemuliaan dan ketinggian agama serta pengajaran-pengajarannya dengan begitu sahaja jika kita tidak akan memuliakannya. Tidak guna kita mengkaji segala riwayat-riwayat yang telah lalu yang telah menjadi sebab kemunduran dan kebinasaan kita sekiranya kita daripada masa ini tidak meinsafi kepada kedudukan kita bagi masa hadapan.

Kepada ulama-ulama yang berpengaruh di Semenanjung Tanah Melayu itu saya serukan usahakanlah supaya roh dan semangat orang-orang kita mendepani sebagaimana sabda Junjungan kita: “Bekerjalah kamu untuk dunia seolah-olah kamu hidup selama-lamanya dan beribadatlah kamu bagi akhirat kamu seolah-olahnya kamu akan mati pada esoknya” dan hidupkanlah kepada umat faham-faham yang luas bahawa menyelenggarakan kehidupan dan kebahagiaan di dunia ini bermakna membawa kebahagiaan pada hari akhirat kelak dan hapuskanlah perasaan-perasaan yang telah tertanam di dalam dada orang-orang kita bahawa “jangan mencari dunia kerana dunia ini bagi orang kafir”.

Cerminkanlah bagaimana dahulu kita tatkala di dalam keadaan yang begitu cemas, tatkala “Bintang Tiga” telah mengaruk dan tatkala langkah me-Malayan-kan dijalankan, kita telah berbalik kepada agama, kita bersatu di dalam agama dan di dalam agama itulah kita diminta bersatu dan dibawa bersatu. Di dalam masa yang cemas itulah masing-masing kita ingat kepada Allah yang dengannya membawa persatuan tetapi nampaknya sesudah persatuan didapat, sesudah sebahagian cita-cita kita sampai maka kita dari semasa ke semasa membuang ajaran-ajaran agama bahkan membelakangkan agama dan tidak mengambil endah hal

ehwal agama dengan tidak pun kita bersyukur dan berterima kasih kepada Allah dan seolah-olahnya kita seperti orang yang disebut oleh Allah di dalam firman-Nya (pada surah Luqman ayat 31 dan 32) yang maksudnya: “Tidakkah engkau lihat bahwasanya bahtera itu belseyar dalam lautan dengan kurnia Allah supaya diperlihatkan kepada kamu akan ayat-ayat-Nya (keterangan-Nya). Sesungguhnya yang demikian itu menjadi keterangan kepada orang yang sabar lagi berterima kasih. Apabila dengan pelayaran itu mereka diayun oleh ombak yang seperti gunung besarnya lalu mereka menyeru (meminta pertolongan) kepada Allah sebagai mengakui agamanya (beriman kepada Allah) tetapi apabila mereka telah selamat sampai ke daratan maka di antara mereka itu ada yang berbuat sederhana (tetap kepada jalan yang benar) dan kebanyakannya pula mereka ingkar. Tiada yang ingkar kepada ayat-ayat kamu melainkan orang yang khianat lagi kafir.”

Kita seolah-olahnya di dalam masa kesusahan telah mengakui kepada Tuhan dan berbalik kepada Tuhan tetapi setelah kita terlepas daripada bencana itu dan setelah kita mendapat kesenangan maka kita telah menjauhinya dan tidak lagi menyeru umat kepada jalan Allah. Insaflah wahai kaum Muslimin – janganlah hendak kita bersekutu di dalam sesuatu yang tidak mengambil tau dalam hal ehwal agama Islam – Ingatlah kehidupan orang yang beriman itu hidup daripada Allah, bagi Allah kerana Allah – bukannya semboyan di dalam Islam itu dari rakyat, untuk rakyat dan kerana rakyat.

Mudah-mudahan Tuhan memberi kita taufik dan hidayah dapat kita menjaga maslahat kita dan bagi pihak yang berkuasa hendaklah mempercayai bahawa agama Islam itu sentiasa bersifat aman dan damai dan sentiasa akan mensesuaikan diri kepada undang-undang dengan syarat iman dan kepercayaan mereka kepada ketuhanannya tidak akan digangu sebab agama Islam itu agama perdamaian dan telah terbukti sentiasa menjalankan perdamaian dari satu masa ke suatu masa adanya.